

Stok 1,600 tan metrik

Hn 29/11/2024 pg 16

Oleh Nazdy Harun
am@hmetro.com.my

Marang

Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) memberi jaminan bekalan ikan sepanjang Monsun Timur Laut (MTL) mencukupi.

Pengerusi LKIM, Muhammad Faiz Fadzil berkata, pihaknya yang bekerjasama dengan Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) dan swasta mempunyai stok penimbang bekalan ikan sebanyak 1,600 tan metrik.

Menurutnya, turut membantu menjamin bekalan adalah stok yang disimpan pihak swasta lain yang bergerak sendirian dan turut mengimport ikan.

“Tidak dinafikan apabila nelayan zon A tidak dapat ke laut, ia akan menjelaskan bekalan ikan segar, tetapi bekalan itu ada dengan kaedah kami simpan ikan import,” katanya pada sidang media selepas Program Rahmah Mesra Madani Pengerusi LKIM Bersama Nelayan Marang di Kompleks Perikanan LKIM Marang di sini, semalam.

Menurutnya, langkah se-wajarnya turut diambil bagi



MUHAMMAD FAIZ (depan tiga dari kanan) menyerahkan bantuan kepada nelayan pada Program Rahmah Mesra Madani Pengerusi LKIM Bersama Nelayan Marang di Kompleks Perikanan LKIM Marang.

memastikan bekalan cukup hingga tidak berlaku kenakan harga mahupun peniaga mengambil kesempatan.

“Sebab soal harga bukan di bawah seliaan LKIM atau Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, ia

di bawah kementerian lain. Tugas kami memastikan bekalan ikan sentiasa ada setiap masa,” katanya.

“Tidak dinafikan apabila nelayan zon A tidak dapat ke laut, ia akan menjelaskan bekalan ikan segar, tetapi bekalan itu ada dengan kaedah kita simpan ikan import”

Muhammad Faiz Fadzil

Mengulas mengenai peruntukan RM200,000 kepada nelayan berdaftar sepanjang MTL, Muhammad Faiz berkata, ia akan diagihkan dalam bentuk bakiul makanan kepada 10,000 nelayan di Terengganu, Kelantan dan Pahang.